

**Headline** Pelihara, pulihara alam semula jadi  
**Date** 12. Jun 2009  
**Media Title** Berita Harian  
**Section** Hip  
**Circulation** 192917  
**Readership** 1521000  
**Language** MALAY  
**Page No** 16  
**Article Size** 625 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** One Spot Color  
**AdValue** 10111.68



PERIUK Kera.



HUTAN Belum.



Oleh Hasnidarwina Hasim

# Pelihara, pulihara alam semula jadi

Diangkat tiga pelukis veteran pada pameran di BSLN

**K**EINDAHAN alam flora dan fauna yang semakin terjejas akibat pembangunan dan kebimbangan terhadap kepupusan lapisan ozon menarik perhatian tiga pelukis apabila mereka berasa bertanggungjawab menyedarkan masyarakat akan kepentingan menghargai alam semula jadi.

Usaha tiga pelukis, Rizlan Kamaruddin, Abdul Ghani Ahmad dan Rafie Abdul Rahman, merakam keindahan flora dan fauna alam semula jadi lewat 30 lukisan yang dipamerkan pada Pameran Lukisan Dunia Pesona FRIM bersama Rizlan, Ghani & Rafie, wajar dicontohi penggiat seni rupa.

Mohd Rizlan yang membesar di kawasan perkampungan mengakui dirinya senang dengan kehijauan dan kesegaran alam semula jadi dan sedih kerana persekitaran sedemikian semakin terhimpit oleh kepesatan pembangunan di negara ini.

"Sejak awal kehidupan manusia, ada perhubungan saling memerlukan antara alam semesta dengan manusia, tetapi putaran itu kini sudah terusik oleh pembangunan sehingga mengakibatkan sesetengah flora dan fauna berdepan dengan kepupusan," katanya pada pertemuan dengan Galeri, selepas pelancaran pameran terbit di Balai Seni Lukis Negara (BSLN), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau merakam keunikan Hutan Belum ke atas kanvas dengan judul yang sama dalam usahanya memastikan kehabatan anugerah alam itu dapat dihayati generasi mendatang sehingga lima enam ratus tahun meskipun dalam bentuk karya, tetapi tidak pasti apakah lokasi terbit mampu bertahan.

Karyanya, *Kocakan Tasik di Hening Pagi Belum*,



TIGA pelukis, dari kiri; Rafie, Rizlan dan Ghani.

dihasilkan apabila berpeluang menyaksikan pusan air di tengah kolam semula jadi pada suatu pagi yang baginya membentuk suatu keindahan tidak terucap dan hanya dapat dicurahkan di atas kanvas untuk dikongsi dengan peminat seni rupa.

"Saya sukakan alam sedari kecil dan sehingga kini minat itu belum berubah, malah kian bertambah walaupun sudah hampir 30 tahun menceburkan diri dalam seni rupa. Tumpuan saya kepada alam semula jadi untuk dipindahkan ke dalam karya tidak mungkin akan 'mati,' ujarnya.

Abdul Ghani yang terkesan dengan kepupusan alam semula jadi di negara ini terpanggil untuk mengangakat keindahan flora di hutan khususnya tumbuhan unik yang semakin jarang ditemui melalui *Siri Periuk Kera*.

"Alam adalah sumber inspirasi kepada pelukis

mahupun penulis ketika sedang berkarya. Dengan merenung alam mereka akan mendapat ilham. Tanpa alam, mungkin seniman akan ketandusan idea dan hancurlah kreativiti seni mereka.

"Saya tergerak untuk menjadikan periuk kera sebagai subjek utama kerana berasa semakin ramai orang tidak mengindahkan kehadiran tumbuhan unik ini yang turut menjadi simbol Negeri Sabah kepada pelancong luar," jelasnya yang mengakui *Siri Periuk Kera* antara lukisannya paling mencabar yang pernah dihasilkannya.

Rafie juga tidak terkecuali meluahkan rasa kecintaannya kepada alam semula jadi apabila tampil dengan lima karya yang menghargai keindahannya pada pameran terbit dan antaranya, *Di Pinggirin Kuala Lumpur*.

"Kuala Lumpur yang dikenali sebagai 'hutan batu',



RIMBA Malaysia.

tetapi masih disegari dengan pemandangan hutan di pinggir kota dan ini membuktikan bahawa masih ada sisa ketenangan dan kedamaian yang boleh dinikmati warga kota bagi menenangkan fikiran," katanya.

Lewat *Rimba Malaysia*, Rafie membawa peminat seni tampak berinteraksi dengan undang-undang rimba dan falsafah yang lemah. akan sentiasa menjadi mangsa kepada si gagah sambil mengangkat harimau sebagai simbol kekuasaan, kegagalan dan kekuatan.

"Saya berharap melawati

**INFO**

**Pameran Lukisan Dunia Pesona FRIM bersama Rizlan, Ghani & Rafie**

- Lokasi: Balai Seni Lukis Negara, No. 2, Jalan Temerloh off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur
- Tarikh: 1 hingga 14 Jun 2009
- Jumlah: 30 karya
- Telefon: 03-40254989 / 03-41434711

lu pameran ini pengunjung sadar akan kepentingan menjaga dan memulihara alam semula jadi kerana setiap manusia memerlukan sedikit ketenangan dan kedamaian selepas seharian menghadapi tekanan hidup di ibu kota," jelasnya.

Pengerusi Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Datuk Seri Abdul Azim Mohd Zabidi yang merasmikan pameran terbit turut disertai Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Azizah Mohamed.